

CABARAN DAN PELUANG RETAKAFUL DI MALAYSIA

Syarifah Nur Amalina Syed Nasaruddin

Fakulti Ekonomi & Pengurusan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia
cikmeina@gmail.com

ABSTRAK

Industri insurans dan reinsurans merupakan industri yang sudah bertapak lama berbanding industri takaful dan retakaful. Retakaful ialah salah satu alat pengurusan risiko yang digunakan oleh syarikat takaful untuk berkongsi sebahagian risiko di dalam dana dengan syarikat takaful dan retakaful yang lain. Secara amnya, konsep retakaful adalah sama dengan konsep reinsurans namun yang membezakannya adalah retakaful merupakan perniagaan takaful yang berasaskan prinsip-prinsip syariah Islam. Bermulanya industri retakaful di Malaysia pada tahun 1997 terbentuknya Syarikat Labuan-based Asean Retakaful International (L) yang merupakan sebuah anak syarikat luar pesisir Syarikat Takaful Malaysia Berhad. Namun begitu, industri retakaful masih lagi tidak berkembang maju jika dibandingkan dengan industri takaful di Malaysia sekarang. Maka, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran dan peluang retakaful dalam industri retakaful di Malaysia dan menghebahkan maklumat dan ilmu pengetahuan mengenai retakaful kepada pembaca yang terdiri daripada masyarakat umum, pendidik dan pelajar. Bagi mencapai tujuan tersebut, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif yang berdasarkan kajian-kajian lepas, buku-buku ilmiah dan kajian perpustakaan. Hasil kajian menunjukkan kekurangan syarikat retakaful di Malaysia bukan merupakan cabaran utama manakala kekangan kapasiti syarikat retakaful di Malaysia dalam menyediakan perkhidmatan kepada syarikat takaful merupakan cabaran yang utama. Kekangan kapasiti yang merujuk kepada ketidakcukupan dana, kekurangan penyeragaman dan piawaian sistem retakaful, kebocoran pasaran reinsurans dan kurangnya pengetahuan dan kemahiran mengenai retakaful di kalangan kakitangan syarikat retakaful dan para ulama'. Dari sudut peluang, golongan profesional yang terlibat dalam industri takaful dan retakaful menyatakan bahawa industri retakaful di Malaysia mempunyai peluang disebabkan oleh permintaan dan kehendak pasaran industri takaful sekarang. Dalam hal ini, syarikat takaful memainkan peranan dalam menggunakan perkhidmatan syarikat retakaful supaya ia dapat membantu industri retakaful untuk berkembang lebih maju. Semoga daripada hasil kajian ini sedikit sebanyak dapat memberi sumbangan kepada industri takaful dan retakaful, ilmu pengetahuan dan golongan para penyelidik, pengkaji dan pelajar untuk mengkaji lebih mendalam mengenai retakaful dan mendapat ilham untuk mengembangkan kajian ini.

Kata Kunci: *Retakaful, Cabaran dan Peluang*

1. Pengenalan

Retakaful ialah takaful kepada takaful manakala reinsurans ialah insurans kepada insurans. Konsep retakaful adalah serupa dengan konsep reinsurans tetapi yang membezakannya retakaful mengikut prinsip-prinsip shariah dan reinsurans mengikut prinsip konvensional. Secara amnya, dari segi asanya retakaful adalah berkongsi risiko manakala reinsurans pemindahan risiko. Menurut Frenz dan Soualhi (2010a), retakaful adalah satu transaksi di mana syarikat retakaful bersetuju untuk menanggung rugi syarikat takaful terhadap kesemua atau sebahagian daripada kerugian yang kedua mengekalkan di bawah kontrak takaful yang telah dikeluarkan.

Selain itu, tujuan retakaful juga adalah serupa dengan reinsurans iaitu untuk menyebarkan risiko dan menambah kapasiti supaya risiko yang lebih atau besar boleh diambil. Penyebaran risiko yang dilakukan oleh retakaful dikalangan industri takaful, membolehkan industri takaful untuk berfungsi dengan lebih cekap. Ini merupakan salah satu kelebihan yang terdapat pada retakaful. Terdapat beberapa kelebihan retakaful antaranya ialah memaksimumkan keuntungan, potensi pertumbuhan dalam jualan, bahagian pasaran lebih besar dan pengurusan yang lebih baik risiko untuk menyelesaikan hutang (Engku Ali dan P. Odierno, 2008)a. Dengan adanya retakaful, industri takaful dapat meningkatkan pertumbuhannya dan setaraf dengan kemajuan industri insurans dan reinsurans.

Sejak awal 80an, industri takaful telah menunjukkan pertumbuhan yang amat memberangsangkan. Pertumbuhan dalam industri takaful memberi kesan kepada industri retakaful begitu juga pertumbuhan industri insurans juga akan memberi kesan kepada industri reinsurans. Walaubagaimanapun, dalam perkembangan industri takaful dan retakaful; pertumbuhan industri insurans dan reinsurans adalah lebih maju ke hadapan. Ini adalah kerana insurans dan reinsurans bermula di Eropah sejak abad ke-18 dengan bilangan syarikat insurans yang banyak ditubuhkan termasuklah "*Lloyds of London*". Sebaliknya, industri retakaful dikategorikan sebagai industri yang masih baru bertapak berbanding dengan industri insurans dan reinsurans.

Oleh yang demikian, industri takaful dan retakaful akan menghadapi pelbagai cabaran dalam mengekalkan industri mereka. Setiap cabaran yang mereka hadapi mampu memberi peluang kepada industri takaful dan retakaful untuk berdiri sama tinggi dengan industri insurans dan reinsurans. Maka, objektif kajian ini akan mengenal pasti cabaran dan peluang retakaful dalam industri retakaful di Malaysia dan menghebahkan maklumat dan ilmu pengetahuan mengenai retakaful kepada pembaca yang terdiri daripada masyarakat umum, pendidik dan pelajar. Secara kesimpulannya, retakaful akan berdepan dengan pelbagai cabaran bagi memperkukuhkan dan mengembangkan lagi industri mereka terutamanya di Malaysia. Sesungguhnya, setiap cabaran dapat membuka ruang peluang yang banyak dan dapat meningkatkan lagi pertumbuhan industri takaful di Malaysia.

2. Kajian Literatur

Menurut Sheila Nu Nu Htay et al. (2014b), Retakaful merupakan tulang belakang industri takaful dalam menyediakan perlindungan hutang kepada pengendali takaful untuk memastikan bahawa pampasan dibayar apabila sampai pada masanya. Syarikat takaful memerlukan retakaful kerana tidak semua polisi atau risiko mereka mampu bayar pampasan kepada peserta seperti kes kebakaran, banjir dan seumpamanya. Mereka juga memerlukan retakaful sebagai keperluan teknikal untuk mengembangkan risiko dan mengelakkan daripada

risiko hutang (Asmak Ab. Rahman et al., 2011a). Berdasarkan artikel Sofiza Azmi (2013)a, menyatakan retakaful atau reinsurans islam memainkan peranan yang penting dalam menguruskan dan mengurangkan risiko di dalam kewangan islam.

Dalam kewangan Islam terutamanya industri takaful dan retakaful akan berhadapan dengan cabaran untuk mengekalkan industrinya. Oleh itu, industri takaful dan retakaful yang masih dianggap sebagai industri yang baru bercambah berbanding dengan industri insurans dan reinsurans yang lebih matang dan maju ke hadapan (Sheila Nu Nu Htay et al., 2014c). Industri yang baru nak meningkat maka bilangan syarikat retakaful yang ada adalah sedikit berbanding syarikat reinsurans. Asmak Ab. Rahman et al. (2011b), sebanyak 250 syarikat takaful seluruh dunia; namun bilangan syarikat retakaful tidak sama dengan bilangan syarikat takaful sekarang. Berdasarkan laman sesawang Bank Negara Malaysia, bilangan syarikat retakaful di Malaysia sebanyak empat buah syarikat manakala bilangan syarikat reinsurans di Malaysia sebanyak enam buah syarikat.

Sheila Nu Nu Htay et al. (2014a), di dalam pasaran syarikat reinsurans lebih banyak berbanding dengan syarikat retakaful disebabkan oleh retakaful merupakan industri yang masih baru. Sehubungan dengan itu, syarikat takaful tidak mempunyai kuasa tawar-menawar yang banyak dalam berurusan dengan syarikat retakaful. Dalam hal ini, disebabkan kekurangan syarikat retakaful; syarikat takaful dibenarkan untuk menggunakan perkhidmatan syarikat reinsurans atas dasar *dharura* (keperluan). Hodgins (2009)a, menyatakan dalam *Middle East Insurance Review* mengenai kekurangan syarikat retakaful yang membenarkan syarikat takaful untuk menginsuranskan dengan syarikat reinsurans atas prinsip keperluan (*dharura*).

Industri yang baru mula bertapak seperti retakaful akan mengalami beberapa kekangan kapasiti mereka untuk menyediakan perkhidmatan terutamanya kepada syarikat takaful. Ridwan Abbas (2013)a, industri takaful tidak mempunyai satu perjalanan yang sempurna kerana mereka bergelut untuk keluar daripada bayang-bayang reinsurans, memandangkan reinsurans mempunyai kedudukan yang lebih kukuh di pasaran berbanding retakaful. Selain itu, pada pandangan pengerusi MNRB Retakaful iaitu Encik Sahimy Man menyatakan bahawa tiada sebarang peningkatan industri retakaful kerana syarikat takaful masih lagi mengekalkan hubungan mereka dengan reinsurans dan beberapa negara yang mementingkan kadar penarafan syarikat retakaful.

Sofiza Azmi (2013)b, menyatakan industri retakaful mempunyai kekurangan piawai yang diterima secara global. Kekurangan penyeragaman dalam sistem retakaful boleh menghalang industri ini daripada pertumbuhan dan pembangunan seperti model operasi, penyeragaman akaun dan perbezaan tafsiran shariah. Asmak Abd Rahman (2009), kekurangan dalam kadar penarafan untuk menentukan syarikat dan kekurangan syarikat retakaful yang bereputasi juga boleh menjejaskan keupayaan syarikat takaful untuk mengekalkan kadar pertumbuhan dua angka pada masa akan datang. Tambahan pula, apabila syarikat retakaful dianugerahkan kadar penarafan oleh agensi penarafan; agensi tersebut akan terus memantau prestasi syarikat itu bagi menaikkan atau menurunkan kadar penarafan (Mahomed Akoob,2009)a. Maka, kadar penarafan syarikat retakaful adalah amat penting untuk mengekalkan mereka dalam industri takaful.

Laporan *Malaysia International Islamic Financial Centre* (2014)a, satu kekangan utama kepada pertumbuhan retakaful ialah terdapat kebocoran pasaran reinsurans dan kini, hanya segelintir syarikat retakaful di dalam industri ini. Beberapa faktor yang menyebabkan kebocoran ini termasuklah *risk appetite*, harga, kadar penarafan dan hubungan yang lama dengan syarikat reinsurans. Namun begitu, kekurangan golongan profesional juga menjadi salah satu cabaran untuk retakaful. Sesungguhnya, industri retakaful seperti keseluruhan industri takaful memerlukan kakitangan operasi dan ulama' shariah dan kakitangan yang cukup berpengalaman; akan tetapi industri ini masih lagi kekurangan kakitangan (Ridwan

Abbas, 2013b). Ini disokong oleh Frenz dan Soualhi (2010b) yang menyatakan pengamal dan para ulama' kini tidak mempunyai pengetahuan yang banyak mengenai sistem retakaful dan setakat menerima idea mengenai retakaful sahaja.

Secara amnya, insurans konvensional sudah bertapak lama berbanding dengan takaful. Engku Ali dan P. Odierno (2008b), insurans konvensional telah terbentuk di seluruh dunia selama lebih 500 tahun, ini memberikan mereka kapasiti untuk mempengaruhi berjuta pengguna di seluruh dunia dengan pelbagai produk yang mereka tawarkan. Namun demikian, industri takaful terbentuk kurang dari 50 tahun dan industri retakaful juga merupakan industri yang masih baru berbanding industri takaful. Oleh itu, kurangnya pengalaman dan kecekapan secara teknikal dapat dilihat dalam bidang kemahiran pengunderaitan, analisis kuantitatif, analisis kewangan dan pembangunan produk (Engku Ali dan P. Odierno, 2008c).

Dalam usaha untuk mempunyai pertumbuhan yang stabil dan mapan, industri takaful memerlukan sokongan retakaful (Mahomed Akoob, 2009b). Sofiza Azmi (2013c) menyatakan walaupun industri retakaful masih dianggap industri yang kecil secara globalnya berbanding dengan reinsurans konvensional, ia mempunyai potensi pertumbuhan di masa hadapan. Pertumbuhan dua angka yang mampan dalam pasaran takaful, bersama-sama dengan langganan pembiayaan Islam yang sentiasa kukuh sama ada dalam sektor runcit mahupun ruang komersial, ia membuka peluang untuk retakaful (Ridwan Abbas, 2013c).

Berdasarkan kesemua kajian lepas, didapati hanya beberapa sahaja kajian lepas mengenai skop retakaful. Kebanyakan kajian lepas lebih memfokuskan kepada takaful secara meluas berbanding retakaful. Namun begitu, masih ada kajian lepas, artikel dari laman sesawang berkaitan dengan perbankan dan kewangan Islam dan buku-buku yang berkaitan dengan retakaful seperti sejarah retakaful, rangka kerja kelompok retakaful dan pandangan syariah mengenai retakaful. Oleh itu, pengkaji akan memfokuskan kepada cabaran dan peluang retakaful di Malaysia.

3. Metodologi

Kajian ini bersifat kaedah kualitatif yang berdasarkan kajian perpustakaan, jurnal-jurnal penyelidikan, kajian lepas, keratan akhbar, majalah, laporan tahunan dan laman sesawang. Reka bentuk kajian kualitatif yang dipilih dalam kajian ini adalah kajian analisis kandungan. Analisis kandungan telah dilakukan bagi mendapatkan data-data berkaitan teori asas mengenai retakaful, reinsurans dan takaful yang telah dijalankan di Malaysia dan negara-negara timur tengah. Data-data yang diperolehi daripada peringkat tempatan dan juga di peringkat antarabangsa. Dengan menggunakan kaedah analisis kandungan, dapat membantu bagi mendapatkan maklumat mengenai cabaran yang dihadapi oleh retakaful pada masa dahulu dan juga kini. Selain itu, untuk mengetahui peluang retakaful di Malaysia pada masa akan datang supaya industri retakaful dapat berkembang seiring dengan perkembangan industri takaful.

4. Hasil Kajian

4.1 Kekurangan Syarikat Retakaful

Kekurangan syarikat retakaful di Malaysia adalah bukan cabaran yang utama oleh retakaful tetapi kekangan kapasiti syarikat retakaful merupakan cabaran yang utama yang perlu dihadapi oleh industri retakaful. Kekangan kapasiti yang merujuk kepada ketidakcukupan dana, kekurangan penyeragaman dan piawaian sistem retakaful, kebocoran pasaran reinsurans dan kurangnya pengetahuan dan kemahiran mengenai retakaful dikalangan para ulama' dan kakitangan syarikat retakaful.

4.2 Ketidalcukupan Dana

Menurut Sofiza Azmi (2013d), kebanyakan perniagaan syarikat takaful masih lagi menyerah atau menggunakan perkhidmatan syarikat reinsurans berbanding syarikat retakaful. Ketidalcukupan dana syarikat retakaful untuk menanggung risiko syarikat takaful merupakan salah satu faktor penyebab syarikat takaful mendapatkan perkhidmatan syarikat reinsurans. Risiko yang dihadapi oleh syarikat takaful adalah disebabkan oleh dana yang terhad untuk membayar kepada peserta apabila mereka mengalami kerugian (Asmak Ab Rahman, 2009b).

4.3 Kekurangan penyeragaman dan dan piawaian dalam sistem retakaful

Industri retakaful juga berhadapan dengan dengan kekurangan penyeragaman dan piawaian dalam sistem retakaful. Kurangnya penyeragaman dalam sistem retakaful boleh membantutkan pertumbuhan industri retakaful. Penyeragaman retakaful merujuk kepada model operasi yang berbeza, piawaian akaun dan pelbagai tafsiran shariah. Selain itu, penyeragaman dan piawaian retakaful boleh juga merujuk kepada susunan kata polisi.

4.4 Kebocoran Pasaran Reinsurans

Pertumbuhan retakaful juga akan terjejas disebabkan kebocoran pasaran reinsurans yang berlaku. Antara faktor-faktor penyebab berlakunya kebocoran pasaran reinsurans adalah *risk appetite*, kadar harga, kadar penarafan, dan hubungan lama dengan syarikat reinsurans.

4.5 Kurangnya Pengetahuan dan Kemahiran Mengenai Retakaful Di Kalangan Para Ulama' dan Kakitangan Syarikat Retakaful

Retakaful merupakan sebuah industri yang masih baru maka kepakaran daripada profesional yang berpengalaman dan di kalangan para ulama' adalah amat diperlukan. Selain itu, bukan hanya golongan professional dan para ulama' sahaja diperlukan akan tetapi pekerja syarikat retakaful yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran mengenai sistem retakaful juga diperlukan.

4.6 Peluang industri retakaful

Industri retakaful berhadapan dengan pelbagai cabaran namun begitu retakaful masih mempunyai peluang untuk berkembang maju seperti industri takaful. Peluang yang dilihat mampu meningkatkan pertumbuhan yang stabil pada industri takaful. Industri retakaful juga berpeluang untuk berkembang maju disebabkan oleh permintaan dan kehendak daripada pasaran industri takaful, keuntungan industri takaful dan retakaful akan perolehi pada jangka masa panjang dan perkhidmatan yang berlandaskan prinsip shariah.

5 Perbincangan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran dan peluang retakaful dalam industri retakaful di Malaysia dan menghebahkan maklumat dan ilmu pengetahuan mengenai retakaful kepada pembaca yang terdiri daripada masyarakat umum, pendidik dan pelajar.

Kekurangan syarikat retakaful bukan merupakan cabaran utama bagi retakaful. Berdasarkan parameter dan tanpa melihat pada saiz syarikat takaful dan syarikat retakaful, ia dapat dilihat syarikat retakaful mampu untuk mengtakafulkan syarikat takaful di Malaysia (Asmak Ab. Rahman et al., 2011c).

Ketidalcukupan dana oleh syarikat retakaful dalam membantu syarikat takaful untuk menanggung risiko syarikat takaful. Jika kini dapat dilihat syarikat retakaful adalah sedikit berbanding syarikat takaful, maka bagi setiap syarikat retakaful untuk menanggung kesemua risiko syarikat takaful adalah terhad.

Terbentuknya pelbagai penyeragaman dan piawaian pada setiap negara untuk syarikat retakaful mahupun syarikat takaful, ia boleh menghalang pembangunan dan pelaburan dalam merentas sempadan. Antara contohnya negara Bahrain, Pakistan dan Malaysia telah memperkenalkan undang-undang dan peraturan yang khusus bagi mengawal industri takaful di negara masing-masing. Jika kekurangan penyeragama dan piawaian sistem retakaful ini

berubah dan tidak mengikut prinsip syariah yang ditetapkan, maka ia boleh membantutkan pertumbuhan industri retakaful. Hodgins (2009c), industri takaful dan retakaful juga berkait rapat dengan susunan kata polisi (*policy wordings*) dan bagaimana polisi susunan kata ini berfungsi. Secara amnya, susunan kata polisi (*policy wordings*) syarikat reinsurans sudah diubah untuk industri retakaful tanpa mengambil kira implikasi syariah apabila berbuat demikian.

Sofiza Azmi (2013e), terdapat beberapa bukti daripada pelbagai sumber yang mencadangkan bahawa kebocoran pasaran reinsurans adalah masih biasa dan signifikan. Ia dianggarkan serendah 30 peratus sehingga 70 peratus. Laporan statistik yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia yang menunjukkan kebocoran pasaran reinsurans di Malaysia berada pada lingkungan 70 peratus daripada jumlah sumbangan.

Tambahan pula, Sofiza Azmi (2013f) menyatakan kekurangan kepakaran yang khusus dan pakar takaful dalam pengetahuan syariah begitu juga kekurangan pemimpin yang mempunyai kepimpinan yang bagus dalam menerajui syarikat retakaful.

Namun begitu, dengan cabaran yang dihadapi oleh industri retakaful, industri retakaful mempunyai peluang dalam industri takaful di Malaysia. Permintaan daripada industri takaful terhadap retakaful adalah diperlukan bagi meningkatkan pertumbuhan industri takaful. Mahomed Akoob (2009c), dalam mendapatkan pertumbuhan yang stabil dan bertahan, industri takaful memerlukan sokongan retakaful.

6 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, setiap cabaran yang dihadapi oleh retakaful merupakan perkara biasa yang akan berlaku pada setiap industri yang baru memulakan perniagaan. Namun, industri retakaful menunjukkan peluang untuk berkembang maju seperti industri takaful di Malaysia.

Kini, syarikat retakaful di Malaysia masih lagi sedikit sebanyak empat buah syarikat manakala sebanyak sebelas buah syarikat takaful sahaja. Walaupun kekurangan syarikat retakaful bukan merupakan cabaran yang utama namun dalam jangka masa yang panjang ia akan memberi kesan kepada industri retakaful. Kesan yang boleh menyebabkan ketidakcukupan dana untuk menanggung risiko sedia ada pada syarikat takaful.

Dari segi penyeragaman dan piawaiannya dalam sistem retakaful di Malaysia, syarikat retakaful perlu memastikan penyeragaman dan piawaiannya sentiasa berada pada prinsip-prinsip syariah. Kekurangan penyeragaman dan piawaiannya dalam sistem retakaful boleh memberi kesan kepada kadar penarafan syarikat dan seterusnya juga memberi kesan kepada pertumbuhan industri takaful dan retakaful. Tambahan pula, para ulama' dan kakitangan syarikat retakaful perlu mempunyai pengetahuan dan berkemahiran mengenai retakaful untuk memastikan sistem retakaful mengikut piawaiannya yang ditetapkan oleh syariah.

Kebanyakan masyarakat umum mahupun daripada golongan pendidik dan pelajar masih lagi tidak mengetahui mengenai retakaful. Hanya kebanyakan mereka mengetahui mengenai takaful kerana industri takaful yang sudah bertapak lama di Malaysia sejak tahun 80 an dan banyak pendedahan mengenai takaful di Malaysia. Selain itu, permintaan takaful daripada masyarakat umum adalah tinggi kerana takaful mengikut prinsip-prinsip syariah Islam. Dengan terhasil kajian ini, maklumat dan ilmu mengenai retakaful dapat membantu masyarakat umum, pendidik dan pelajar-pelajar lebih mengetahui kepentingan retakaful pada industri takaful dan seterusnya golongan pendidik dan pelajar dapat mengkaji lebih mendalam mengenai retakaful.

Rujukan

- Asmak Ab Rahman (2009). Exploring Sharia'ah Views on the Practice of Takaful Company Rensuring with Reinsurance Company. *ISRA Shari'ah Conference on Takaful 2009 (ISC2009)*. hlm.1-49.
- Asmak Ab Rahman et al. (2011). Can A Takaful Company Reinsure with a Reinsurans Company?. *African Journal of Business Management* 5(30). hlm. 11768-11778.
- Bank Negara Malaysia (BNM). www.bnm.gov.my.
- Engku Rabiah Adawiah Engku Ali & Hassan Scott P. Odierno (2008). Essential Guide To Takaful (Islamic Insurance). *CERT Publications Sdn Bhd*.
- Mahomed Akoob (2009). Chapter 8 : Reinsurance adn Retakaful. Dlm. Rifaat, Archer dan Volker (pnyt.). *Takaful Islamic Insurance: Concepts and Regulatory Issues*, hlm. 143-168. *John Wiley & Sons (Asia) Ltd*.
- Malaysia International Islamic Financial Centre (MIFC) (2014). Global Takaful Continues Unbroken Double Digit Growth. hlm.1-5. www.mifc.com [29 Oktober 2015].
- Peter Hodgins (2009). Takaful Feature: Retakaful – Retakaful revisited. *Middle East Insurance Review*. hlm. 1-4. <http://www.kantakji.com/media/3008/n119.pdf> [29 Oktober 2015].
- Ridwan Abbas (2013). Retakaful Continues to Prove Its Worth. *Middle East Insurance Review*.<http://www.meinsurancereview.com/Magazine/ReadMagazineArticle?aid=33539> [29 Oktober 2015].
- Sheila Nu Nu Htay et al. (2014a). Retakaful Pool Framework for Takaful Operators in Malaysia: Experts' Opinions. *Research Journal of Applied Sciences, Engineering and Technology* 7(21). hlm. 4530- 4534. *Maxwell Scientific Organization*.
- Sheila Nu Nu Htay et al. (2014b). Retakaful (Islamic Insurance): Historical, Shari;ah and Operational Perspectives. *World Applied Sciences Journal* 30 (Innovation Challenges in Multidiciplinary Research & Practice). hlm. 185-190. *IDOSI Publication*.
- Sheila Nu Nu Htay et al. (2014c). Are Takaful Operators at the Sympathy of Retakaful Operators in Malaysia?. *The Social Sciences* 9 (2). hlm. 108-111. *Medwell Journals*.
- Sofiza Azmi (2013). The Next Growth Wave in Retakaful. <http://www.islamiceconomist.com/?p=698> [29 September 2015].
- Tobias Frenz & Younes Soualhi (2010). Takaful and Retakaful: Advanced Principles and Practices (Second Edition). *IBFIM and Munich Re*.
- Zamani Abdul Ghani (2007). Significant Trends Surrounding the Takaful Industry. *The 3rd International Convention on Takaful and Retakaful*. http://www.bnm.gov.my/?ch=en_speech&pg=en_speech_all&ac=257&lang=en (29 Oktober 2015).